

ILMU KESEDARAN MELAYU ISLAM

Tasawuf, Makrifat & Sejarah Islamisasi Nusantara

Oleh:

Tun Suzana Tun Hj Othman
Pertubuhan Kesedaran Melayu & Islam
(KEMUDI)

Pengenalan

Ilmu Ketuhanan adalah ilmu yang membicarakan tentang ketuhanan Allah Ta'ala yang merangkumi keEsaan ZatNYA, SifatNYA, Asma'NYA dan Af'alNYA. Ia juga dikenali sebagai Ilmu Tauhid, (ilmu mengesakan Allah) Ilmu Usuluddin (Ilmu Dasar Agama) , Ilmu Makrifat (Ilmu Mengenal) Ilmu Kalam, (Ilmu Perbahasan) Ilmu Hakikat (Ilmu Haq/Kebenaran), Ilmu Tahqiq (Ilmu Penetapan), Ilmu Aqa'id (Ilmu Simpulan Iman) dan sebagainya.

Menuntut Ilmu Ketuhanan itu hukumnya WAJIB, termasuk di dalam Ilmu Fardhu 'Ain

Orang-orang awam sering kali terkeliru apabila menyebut Ilmu Makrifat sebagai ilmu yang sudah terlalu tinggi dan tak perlu dipelajari oleh mereka-mereka yang di tahap awam. Pendapat itu adalah silap kerana hukum mempelajari Ilmu Ketuhanan itu WAJIB bukannya sunat . Cuma kita perlu mengetahui had-had pembelajaran di tahap Fardhu 'Ain itu berbeza dengan pengetahuan di tahap Fardhu Kifayah.

Ilmu Makrifat ditahap Fardhu 'Ain membicarakan sifat-sifat yg wajib, mustahil dan harus bagi Allah Ta'ala serta sifat-sifat yang wajib , yang mustahil dan yang harus bagi Rasul. Ilmu Makrifat di tahap Fardhu Kifayah termasuklah pembahasan Ilmu Kalam yang dapat menghujjah kaum-kaum ahli bid'ah dan golongan-golongan penentang Ilmu Ketuhanan.

Ilmu Makrifat di tahap para-para Sufi dan Aulia'-Aulia' Allah ianya mengEsakan Allah Ta'ala dalam *fana baqo billah*. Maka perlu diketahui had-had ilmu itu dan dituntut secara berperingkat-peringkat menurut kadar kemampuan seseorang. Allah swt tidak membebankan hambaNya dengan perkara-perkara yang kita tidak berkemampuan.

Ilmu Makrifatullah adalah intipati dari kalimah *Laailahailallah*. Pengajian sifat 20 adalah asas kepada mengenal Allah dan tidak dapat tidak, kita wajib dan perlu mempelajarinya dan ianya termasuk di dalam Ilmu Fardhu 'ain bukan Fardhu Kifayah.

Sabda Nabi ﷺ bermaksud, "*Menuntut ilmu itu fardhu bagi setiap muslimin dan muslimat.*" dan Ulama Usuluddin mensyarahkan Ilmu yang Fardhu 'Ain ini termasuklah 3 ilmu yang asas iaitu Tauhid, Feqah dan Tasawuf. Maka barangsiapa meninggalkan tuntutan menuntut ilmu yang Fardhu 'Ain ini bermakna meninggalkan kewajipan menuntut ilmu dan dia termasuk di dalam golongan orang yang rugi meninggalkan kewajipan menuntut ilmu dan beramal tanpa ilmu menjadikan amalannya sia-sia. Beramal tanpa ilmu adalah sia-sia , berilmu tanpa amal juga sia-sia.

"*Awwaluddin Makrifatullah*" , Ahli hadis tidak menyebutnya sebagai hadis sohih akan tetapi Imam Ali as pernah menyebut kata-kata ini di dalam ucapannya yang terkumpul dalam "*Nahjul Balaghah*". Walau apa pun itulah isyarat paling penting di mana permulaan daripada mempelajari agama adalah dengan mengenal Allah Ta'ala. Pengenalan kepada Allah Ta'ala adalah berbeza-beza mengikut tingkatan kefahaman

dan pengalaman masing-masing. Kita tidak boleh menyamakan kefahaman orang awam dengan kefahaman para nabi dan para wali.

Mempelajari Ilmu Tauhid ini termasuk di dalam Ilmu Fardhu 'Ain di samping Ilmu Feqah dan Tasawuf. Setelah selesai mempelajari ilmu-ilmu ini barulah disusuli dengan ilmu-ilmu yang lain.

Mengenal Allah Ta'ala adalah awal permulaan kita beragama, apakah mungkin kita membawa kehidupan beragama tanpa mengenal Allah? Akan tetapi kita telah lupa akan pesanan Nabi dan Sayyidina Ali (ra) yang sangat penting ini. Apabila ada manusia yang cuba membuka persoalan mengenal Allah atau makrifatullah orang-orang kebanyakan sering memandang sebagai ianya tidak penting. Manusia Islam kebanyakannya mengeneppikan ilmu-ilmu tentang makrifatullah ini sedangkan itulah ilmu asas yang menjadi asas pengajian pondok di masa silam.

Manhaj Melayu Nusantara

Mutakhir ini telah mula wujud persepakatan di kalangan ahli-ahli akademik serta para pengkaji tentang peranan besar yang dimainkan oleh alim-ulama sufi yang datang ke Alam Melayu di zaman awal perkembangan Islam, baik dari aspek islamisasi, mahupun proses demi proses pembentukan serta pembangunan jatidiri masyarakat yang akhirnya berhasil melahirkan generasi demi generasi yang berpasak ketauhidan nan kukuh, langsung diterjemahkan dalam aspek-aspek ketamadunan, nilai budi budaya serta peradaban Islam yang unggul dalam wajah bangsa Melayu.

Disebutkan bahawa Manhaj Melayu Nusantara ini zahir dalam tiga bentuk iaitu:

1. Kesultanan-kesultanan Ahlul-Bait Rasulullah ﷺ
2. Pendekatan Tarbiyah Ruhiyyah
3. Islam fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah

Peranan dan pendekatan Tarbiyah Ruhiyyah dalam membangun budaya serta peradaban Melayu Nusantara telah berhasil membawa kejayaan bangsa dan kesultanan-kesultanan silam. Ini berikutan wujudnya elemen pengenalan (makrifat) serta kedekatan hubungan individu-individu Muslim dari berbagai peringkat serta lapisan di rantau ini dengan Allah Ta'ala (*hablumminalLah*), dengan sesama sendiri (*hablumminannas*) serta hubungan yang baik dengan negara, iaitu dari aspek melaksana serta menguruskan tanggungjawab dakwah serta *amar ma'ruf wa nahi mungkar* dengan amanah, baik dan berkesan.

Apatah lagi fahaman agama Melayu Nusantara adalah terlingkung pada ajaran Islam yang benar, iaitu Ahlus Sunnah wal Jamaah, yang mengikut ajarah Tauhid dari Imam Asya'rie atau Maturidi, ajaran Fekah dari Imam-Imam Mujtahid Mutlak seperti Imam Hanafi, Syafiee, Malaki dan Hanbali, dan ajaran Ihsan atau Tasawuf dari Syeikh Junaid al Baghdadi, Ibnu Arabi, Imam Ghazali serta tokoh-tokoh lain yang muktabar.

Pendekatan Tarbiyah Ruhiyah di Alam Melayu diperolehi melalui jalan *Suhbah*, iaitu pewarisan Tauhid dan Akhlak diantara Pendidik@Murobbi dengan Pengikut@Murid.

Dengan *suhbah* akan lahir sifat kasih sayang atau *mahabbah* diantara *murobbi* dengan murid sebagai sarana pewarisan dan jalan pembentukan Tauhid dan Akhlak. Selain itu, elemen Ilmu, Dzikir & Mujahadah juga merupakan bentuk upaya persiapan para pengikut untuk menerima cahaya hak dari *murobbi* yang ditajallikan Allah kepada mereka.

Dengan jalan ini, Alam Melayu lahir sebagai peradaban yang pernah menebarkan salaman, iaitu keselamatan dan kedamaian, rahmat berupa kerukunan dan kesejahteraan dan barokah bagi umat dan kemanusiaan. Hal ini dapat dilihat pada kerangka, struktur, sistem serta hal ehwal kerajaan-kerajaan rantau ini di puncak kegemilangan silam seperti Pasai, Melaka, Aceh, Banten, Cirebon, Sulu, Brunei, Palembang dan banyak lagi.

Di bawah ini diberikan sejarah ringkas perkembangan Ilmu Tasawuf di Alam Melayu:

1. Melaka- Penggunaan kitab *Fusus al-Hikam* karya Ibnu Arabi, serta kitab *Darul Mazlum* karya Maulana Abu Ishak yang membicarakan tentang Tasawuf Falsafah serta Usuluddin. Wujud juga kitab Tasawuf Sunni berjudul *al-Luma'* karya Abu Nasir As-Suraj. Bagaimanapun di Melaka semua kitab masih dalam Bahasa Arab.
2. Sunan Bonang, atau nama sebenarnya Maulana Makhdum Ibrahim, salah seorang ahli Wali Songo, berketurunan ahlul-bait Rasulullah ﷺ dari jurai Sayyidina Hussein bin Fatimah binti Rasulullah ﷺ, lahir 1465M dan wafat 1524M, menempa nama sebagai mubaligh tersohor yang menyebarkan dakwah Islam ke seluruh pelosok kepulauan Jawa. Pernah menjadi imam resmi yang pertama bagi Kesultanan Demak selain menjawat jawatan sebagai pegawai tertinggi.

Sunan Bonang dikatakan menyusun naskhah-naskhah Primbon, yang mana banyak bersumber dari kitab *Ihya Ulumiddin* karya Al-Imam Hujjatul-Islam Imam al-Ghazali serta *Talkhish al-Minhaj* karya Imam Nawawi, selain ditemukan juga sumber Syeikh Abdul Qadir al-Jailani. Secara am, naskhah-naskhah Primbon ini boleh dirujuk sebagai sumber pemikiran Wali Songo yang menular dan meresap di kepulauan Jawa kerana Wali Songo terkenal sebagai mubaligh-mubaligh sufi yang bertebaran di tempat-tempat tersebut.

3. Karya Tasawuf berbahasa Melayu paling awal dipercayai pada zaman Aceh, yang mana kitab-kitab karangan Syeikh Hamzah Fansuri dianggap karya tertua dan terawal dalam bidang tasawuf. Beraliran Wahdatul Wujud seperti *Asrar al-Arifin*, *Sharab al-Asyikin* dan *al-Muntahi*

Aliran *Wahdatul Wujud* amat berpengaruh di kalangan orang atasan di istana Aceh, termasuk Syeikhul Ulama pada zaman Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636), iaitu Syeikh Shamsuddin al Sumatrani. Wujud juga risalah-risalah tasawuf beraliran Wahdatul Wujud di era tersebut tanpa diketahui nama penciptanya.

4. Keberadaan Syeikhul Islam di zaman Sultan Iskandar Thani (1636-1641), iaitu Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang menganggap doktrin *Wahdatul Wujud* adalah menyeleweng, telah mengarang lebih 30 buah kitab, antaranya bertujuan untuk membasmi fahaman *Wahdatul Wujud* di dalam kesultanan Aceh. Antara karya Syeikh

Nuruddin adalah *Tibyan fi Ma'rifat al-Adyan, Jawahir al-Ulum, Shawarim al-Siddiq, Hajjat al-Siddiq li Da'f al-Zindiq* dsbnya.

Syeikh Abdul Rauf Singkel @Tengku di Kuala (1661) juga tidak bersetuju dengan fahaman Hamzah Fansuri dan pernah mengkritiknya.

5. Belakangan muncul pengaruh fahaman Tasawuf Sunni, khususnya dari karya Imam al-Ghazali. Namun sebelumnya, pengenalannya telahpun wujud dalam bentuk Tarekat Shaziliyah yang dianggap lanjutan dari aliran al-Ghazali. Pendokong tarekat tersebut, iaitu Imam Ibnu Attoillah as Sakandari (1309), telah mengarang kitab *Matan Hikam* yang sangat tinggi hikmah dan intuisi tetasawufan.

Syarah *Matan Hikam* dalam Bahasa Melayu merupakan karya tasawuf Sunni yang pertama di Alam Melayu. Dijudulkan sebagai Hikam Melayu, dan dikarang pada akhir abad ke 17 Masihi oleh Tokku Pulau Manis di Terengganu.

Kitab *Syarah Matan Hikam @ Hikam Melayu* disebut sebagai kitab Tasawuf Sunni yang membuka jalan ke arah mendalami tasawuf Imam al-Ghazali yang beraliran *ubudiyah-rohaniyah*.

6. Kitab Tasawuf Sunni yang langsung disadur daripada karya-karya Imam al-Ghazali bermula pada akhir abad ke 18 Masihi. Ulama yg bertanggungjawab mengketengahkan karangan al-Ghazali secara saduran adalah Syeikh Abdul Samad al-Falembani yang mengarang kitab *Siyarus Salikin* (1789), menyadur dari *Ihya Ulumuddin*. Karyanya *Hidayatus Salikin* yang disadur dari kitab al-Ghazali berjudul *Bidayatul Hidayah*.

Pendekatan tasawuf pada kitab-kitab ini berlandaskan pemurnian akidah, kepatuhan syariat serta landasan akhlak. PEMURNIAN AKIDAH, SYARIAT & AKHLAK ini menjadi paksti tumpuan dan rujukan alam Melayu Nusantara secara meluas dan masih diajarkan sehingga hari ini.

7. Penyaduran karya-karya al-Ghazali berlarutan di kalangan ulama Pattani. Antaranya Syeikh Wan Daud al Patani menyadur kitab *Minhajul Abidin*, dengan memberikan judul yang serupa.

Karangan Syeikh Daud yang tersebar luas memantapkan lagi pendekatan tasawuf Imam al-Ghazali di Alam Melayu

Kisah dari Kitab Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)

Alkisah maka tersebutlah perkataan seorang pendeta, Maulana Abu Ishak namanya, terlalu faham akan Ilmu Tasawuf. Maka tuan itu tawaf di Kaabah, berapa lamanya, sentiasa dengan air sembahyang juga, tiada hadas lagi, melainkan pada sebulan dua kali ia mengambil air sembahyang.

Maka dikarangnya sebuah kitab dengan dua Bahasa, satu Bahasa Zat, kedua Bahasa Sifat, dinamainya *Duri'l-manzum*. Maka segala segala orang yang banyak memuji dia. Setelah didengar oleh bondanya: "*apa tuan-tuan semua pujikan pada Abu*

Ishak, kerana ia malas; dengan semudanya itu, pada sebulan dua kali mengambil air sembahyang. Aku dengan tuaku ini pada sebulan sekali jua mengambil air sembahyang..”

Hatta setelah sudah kitab tu, maka Maulana Abu Ishak pun menyuruh memanggil seorang muridnya, Maulana Abu Bakar namanya, maka diajarkanlah kitab *Duri'l-manzum* itu kepadanya. Maka kata Maulana Abu Ishak: “*Pergilah engkau ke Melaka, beri fatwa olehmu segala orang dibawah angin.*”

Maka sahut Maulana Abu Bakar: “*Baiklah, tapi kitab ini tuan buat dengan dua Bahasa, hanya jika ditanyai orang hamba pada Bahasa Zat dan Bahasa Sifat, seperti pengajar tuan itulah hamba jawabkan. Jika ditanya orang Bahasa Af'al, apa jawab hamba kelak?*” Maka kata Maulana Ishak:”*Benar katamu itu.*” Maka dikarangnya pula Bahasa Af'al, maka jadilah kitab *Duri'l-manzum* itu tiga Bahasa

Setelah sudah, Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angina membawa kitab itu, menumpang kapal dari Jeddah ke Melaka. Setelah beberapa lamanya di laut, sampailah ke Melaka.

Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah akan Maulana Abu Bakar. Kitab *Duri'l-manzum* itu disuruh baginda arak lalu ke balairung. Maka Sultan Mansur Syah pun bergurulah dengan pada Maulana Abu Bakar; maka sangatlah dipuji oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah, terlalu amat terang hati. Banyaklah ilmu diperolehi baginda.

Maka oleh Sultan Mansur Syah *Duri'l-manzum* itu disuruh ertikan ke Pasai kepada Makhdum Patakan. Maka *Duri'l-manzum* itu pun diertikan, setelah sudah, dihantarkan ke Melaka, maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah melihat *Duri'l-manzum* sudah bermakna. Maka *Duri'l-manzum* itu ditunjukkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka berkenanlah Maulana Abu Bakar akan makna *Duri'l-mazlum* itu, beberapa pujian akan Tuan Patakan.

Maka segala Orang Besar-besar Melaka sekeliannya pun bergurulah pada Maulana Abu Bakar...melainkan Kadi Melaka yang tiada berguru, Kadi Yusuf namanya. Adapun Kadi Yusuf itu daripada anak cucu Makhdum yang pertama mengislamkan segala orang Melaka itu.

Sekali persetua, Kadi Yusuf hendak pergi sembahyang Jumaat, lalu betul-betul di muka pintu Maulana Abu Bakar. Tatkala itu Maulana Abu Bakar ada berdiri di pintunya, maka dilihat oleh Kadi Yusuf akan Maulana Abu Bakar dikelilingi oleh cahaya seperti sumbu dian dikelilingi apinya, demikianlah rupanya. Maka Kadi Yusuf pun segera berlari mendatangi Maulana Abu Bakar, maka segera disambutnya dengan tersenyum. Maka Kadi Yusuf pun bergurulah kepada Maulana Abu Bakar, setelah itu Kadi Yusuf pun jununlah, maka ia memecat dirinya daripada Kadi, bernama Maulana Yusuf. Maka anaknya pula menjadi Kadi, bernama Kadi Munawar.

Penutup

Demikian huraian serba sedikit tentang sejarah perkembangan Ilmu Tasawuf, khususnya Tauhid Tasawuf atau dikenali juga sebagai Tauhid Makrifat dalam perkembangan Islam di Alam Melayu.

Salah satu upaya kekuatan ajaran Tauhid Makrifat yang dibawa oleh ulama sufi silam, dan hal ini diakui hatta oleh orang-orang Barat yang datang antaranya dengan membawa agenda Kristianisasi, adalah betapa teguh dan kentalnya masyarakat Islam Nusantara berpasak pada keTauhidan.

Hakikat ini dapat dihayati melalui pemerhatian yang dibuat oleh seorang Gabenor British yang bernama Sir Hugh Clifford tentang perikatan kukuh yang wujud diantara orang-orang Melayu dengan Allah swt:

“ Jikalau sekiranya musuh yang menyebabkan berlakunya pemberontakan itu beragama yang lain dari agamanya (Islam), tak kiralah apa sebab punca pemberontakan itu, dan tidak kiralah betapa lemahnya pegangan agama si pemberontak itu, dia akan bersegera menaikkan tahap pemberontakannya kepada martabat fisabilillah atau perang suci melawan orang-orang kafir....Di sinilah kekuatan sebenar penduduk Islam.”

Menurut seorang lagi Gabenor British, Frank Sweetenham, bahawa: *“pendakyyah-pendakyyah Kristian dari semua mazhab telah berputus asa ke atas bangsa Melayu (yakni untuk memurtadkan mereka kepada agama Kristian).”*

Zainal Abidin bin Ahmad yang lebih dikenali sebagai pendeta Za'ba juga pernah mencatatkan hal yang sama:

“ Semenjak orang-orang Melayu memeluk agama Islam sehingga ke hari ini, mereka amat setia dan amat keras pegangannya pada agama yang mereka anuti ini (Islam). Walaupun mereka jahil banyak dari segi pengamalan dan kefahaman agama, namun mereka tetap menganggap bahawa itulah satu-satunya agama yang terbaik dan benar, dan tidak ada apapun hujjah ataupun pujukan dari orang kafir yang boleh mengubah sikap mereka yang demikian itu.”

Program Hari Keluarga Nusantara merupakan suatu kesempatan untuk kita menghayati Ilmu Tauhid Makrifat atau Tauhid Tasawuf sekaligus peranannya dalam membentuk jatidiri masyarakat Alam Melayu Nusantara suatu masa dahulu sehingga melahirkan bangsa yang berpasak kukuh pada Ketauhidan, bercirikan Nafi Isbat, langsung terjelma pada berbagai sisi kehidupan segenap lapisan rumpun Melayu Nusantara. Mudah-mudahan kekuatan ini dapat dikembalikan dengan ikhtiar kebersamaan kita untuk bermakrifat, mengenal Allah yg Maha Esa pada makam Dzauqiyah & Syuhudiyah, bukan setakat Iktiqadiyah atau Aqliyyah semata-mata.

Amiin ya Robbal 'alamin
Intaha
TSTHO

